

Lembaran Pendedahan Produk

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Kemalangan Diri Berkelompok Allianz4All. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Disediakan untuk _____ Tarikh Cetakan: _____

Penyedia Khidmat Kewangan	: Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")
Nama Produk	: Kemalangan Diri Berkelompok Allianz4All

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, ketidakupayaan atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kejadian luaran dan nyata secara tiba-tiba dan secara kemalangan.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Manfaat berikut tersedia mengikut pelan dan manfaat pilihan Anda. Jika Anda dilindungi sebagai Orang Yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini seperti yang diambil oleh majikan Anda atau persatuan Anda, dsb ("pemegang polisi"), pemegang polisi berkelompok akan memilih gabungan manfaat yang sesuai. Pemegang polisi berkelompok boleh memilih mana-mana gabungan manfaat untuk Polisi dengan syarat perlindungan Polisi mesti mengandungi sama ada manfaat Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal atau kedua-duanya.

- Kematian
- Hilang Upaya Kekal
- Perbelanjaan Perubatan
- Pendapatan Hospital
- Manfaat Mingguan
- Bayaran Ambulan
- Penjagaan Kejuruawatan
- Perbelanjaan Rehabilitasi
- Perbelanjaan Pengebumian
- Ragut Atau Percubaan Meragut
- Perlindungan Belian Atas Talian
- Perlindungan Peranti Pintar
- Pembetulan Gigi Dan/Atau Pembedahan Pembaikan Kosmetik
- Perubatan Alternatif
- Perbelanjaan Mobiliti
- Indemniti Kad Kredit Dan Pinjaman

Nota:

1. Sila rujuk Jadual Polisi/Sijil Insurans untuk pelan dan manfaat pilihan Anda.
2. Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Jadual Polisi/Sijil Insurans Anda.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar ?

Jumlah premium yang Anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada pilihan manfaat, jumlah diinsuranskan, umur, kelas pekerjaan, sama ada perlindungan berkelompok adalah wajib atau pilihan dan keperluan pengunderaitan. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen sah kami atau pejabat cawangan terdekat kami.

Premium tertakluk kepada 8% Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem RM10.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Komisyen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium
Duti Setem	RM10
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium

Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

(a) Kepentingan Penzahiran

- **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda**, Anda mempunyai

kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda**, Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu adalah berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan Penzahiran ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

(b) Waranti Premium - Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Polisi atau pengendorsan yang menyatakan permulaan perlindungan Anda di bawah Polisi. Perlindungan di bawah Polisi ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.

(c) Kelayakan

- Semua warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja atau pemegang pas yang sah atau individu yang bekerja atau menetap secara sah di Malaysia, kesemua mereka yang menetap di Malaysia dan berumur dari tiga puluh (30) hari hingga tujuh puluh (70) tahun, dan di mana berkenaan, tanggungan mereka yang menetap secara sah di Malaysia.
- Tanggungan bermaksud satu (1) pasangan Orang Yang Diinsuranskan yang sah dari segi undang-undang yang berumur dari enam belas (16) sehingga tujuh puluh (70) tahun dan anak-anak Orang Yang Diinsuranskan yang belum berkahwin yang berumur tiga puluh (30) hari dan di bawah lapan belas (18) tahun atau di bawah dua puluh empat (24) tahun sekiranya anak-anak tersebut merupakan pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi dan tidak bekerja.
- Sekiranya Polisi ini dibeli oleh badan korporat untuk menyediakan perlindungan kepada pekerjanya:
 - o perlindungan insurans hanya terpakai untuk pekerja Pemegang Polisi sahaja: dan
 - o umur minima pekerja yang dilindungi hendaklah berumur enam belas (16) tahun.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk Polisi untuk terma dan syarat penuh.

6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi tidak melindungi kematian atau kecederaan atau hilang upaya kekal secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berhubung dengan kejadian-kejadian berikut:

- (a) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, aktiviti pengganas, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, dahagi, mogok, rusuhan atau kekecohan awam;
- (b) Tidaksiuman, membunuh diri atau sebarang percubaan untuk melakukannya, atau kecederaan diri yang disengajakan;
- (c) Ketoksikan melebihi had undang-undang yang mempunyai kaitan dengan kesalahan memandu dan/atau di bawah pengaruh dadah yang tidak sah;
- (d) Sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan dengan AIDS (ARC) atau Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV);
- (e) Kelahiran, keguguran, atau sebarang komplikasi kehamilan kecuali semata-mata disebabkan oleh kemalangan;
- (f) Pembunuhan atau serangan akibat provokasi;
- (g) Ketika dalam perjalanan di dalam kapal terbang yang dilisenkan untuk perkhidmatan penumpang sebagai seorang ahli kakitangan penerbangan;
- (h) Ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan menyalahi undang-undang;
- (i) Ketika menyertai sebarang sukan profesional;
- (j) Seni pertahanan diri atau tinju, aktiviti-aktiviti udara termasuk payung terjun dan peluncuran gantung, aktiviti-aktiviti di dalam air yang melebihi kedalaman lima puluh (50) meter, mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau alat panduan mekanik;
- (k) Perlumbaan (selain daripada yang menggunakan kaki), pace-making, ujian mengukur kelajuan atau ketahanan;
- (l) Pengionan, sinaran atau pencemaran oleh keradioaktifan, bahan senjata-senjata nuklear; dan
- (m) Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah (NOTA: ini tidak terpakai bagi Orang Yang Diinsuranskan yang mempunyai lesen memandu tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu itu dibawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau mana-mana yang undang-undang berkaitan).

7. Bolehkah saya batalkan Polisi ini?

(a) Penamatan oleh Anda

- (i) Jika pemegang polisi berkelompok memberi notis kepada Allianz untuk menamatkan Polisi ini (di mana Polisi dibeli untuk melindungi ahlinya dsb.), penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima oleh Allianz atau tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, yang mana kemudian. Walaupun Polisi ini ditamatkan, perlindungan Anda dibawah Polisi ini akan terus berkuat kuasa sehingga tamat Tempoh Insurans seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans dan premium yang dibayar untuk perlindungan tersebut tidak akan dikembalikan.

Jika Anda memberi notis kepada Allianz untuk menamatkan Polisi ini atau perlindungan Anda, penamatan tersebut akan berkuat kuasa bermula pada tarikh notis diterima oleh Allianz dari Anda atau tarikh yang dinyatakan pada notis tersebut, yang mana kemudian.

Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan Polisi ini atau perlindungan individu Anda, mana-mana yang berkenaan, kadar tempoh pendek akan dipakai, dengan syarat tiada tuntutan yang telah dibuat dalam Tempoh Insurans yang sah pada ketika itu dan premium yang berkaitan akan dikembalikan sewajarnya kepada pemegang polisi atau Anda di mana premium dibayar oleh Anda, mana-mana yang berkenaan.

- (ii) Dimana Pemegang Polisi dikeluarkan kepada Badan Korporat untuk tujuan perlindungan pekerja

Dimana Pemegang Polisi adalah badan korporat yang membeli Polisi ini untuk untuk perlindungan insurans bagi pekerjaannya dan pemegang polisi memberi notis kepada Allianz untuk menamatkan Polisi ini atau perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan dibawah Polisi ini**), penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima oleh Allianz atau tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, yang mana kemudian. Sekiranya Polisi ini ditamatkan, semua perlindungan Orang Yang Diinsuranskan juga tidak lagi berkuat kuasa pada tarikh penamatan Polisi ini.

Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh selepas tarikh penamatan Polisi ini, kadar tempoh pendek di bawah akan terpakai dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat dalam Tempoh Insurans yang masih wujud pada ketika itu dan premium yang berkaitan akan dikembalikan kepada Pemegang Polisi.

Skala Kadar Jangka Pendek:

Tempoh Diinsuranskan (Tidak melebihi)	Peratusan (%) Premium Tahunan Yang Dikenakan
Dua (2) bulan (minimum)	40%
Tiga (3) bulan	50%
Empat (4) bulan	60%
Lima (5) bulan	70%
Enam (6) bulan	75%
Melebihi enam (6) bulan	100%

- (iii) Sekiranya Polisi ini bukan Polisi tahunan, Pemegang Polisi berkelompok boleh memberi notis kepada Allianz untuk menamatkan Polisi ini, dengan syarat bahawa tempoh insurans belum bermula apabila tarikh penamatan Polisi ini berkuat kuasa. Penamatan tersebut hendaklah berkuat kuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis, yang mana kemudian. Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh selepas tarikh penamatan, Pemegang Polisi kumpulan berhak mendapat bayaran balik premium yang telah dibayar untuk Polisi ini. Jika tarikh kuat kuasa penamatan adalah selepas tarikh permulaan Tempoh Insurans, premium yang dibayar untuk Polisi tidak akan dikembalikan kepada Pemegang Polisi.

(a) Penamatan oleh Allianz

Sekiranya Allianz menamatkan Polisi atau perlindungan Anda di bawah Polisi, mana-mana yang mungkin, menurut Syarat 3 (Salah Nyataan atau Peninggalan Fakta Penting) seperti yang dinyatakan dalam Kontrak Polisi atau dengan perintah pihak berkuasa atau pemerintah, Allianz akan memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada Pemegang Polisi atau Anda, yang mana berkenaan, di alamat terakhir Pemegang Polisi atau Anda di Malaysia. Penamatan ini akan berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut.

Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh selepas tarikh penamatan Polisi ini atau perlindungan individu di bawah Polisi ini, mana-mana yang berkenaan, premium akan dikembalikan secara pro-rata kepada Pemegang Polisi berkelompok atau Anda di mana Anda telah membayar premium, dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam Tempoh Insurans yang sah pada ketika itu dan pemulangan tersebut tidak dilarang oleh undang-undang.

(b) Penamatan secara automatik:

Perlindungan Anda akan luput/tamat apabila berlaku salah satu perkara yang berikut, mana-mana yang terdahulu:

- (i) pada waktu tengah malam (waktu standard Malaysia) hari terakhir Tempoh Insurans walaupun Orang Yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh puluh satu (71) tahun, atau sembilan belas (19) tahun atau dua puluh lima (25) tahun apabila Orang Yang Diinsuranskan adalah tanggungan, bila-bila masa sepanjang tempoh insurans; atau
- (ii) kematian Orang Yang Diinsuranskan; atau
- (iii) jika sebarang premium untuk Polisi ini masih belum dibayar selepas enam puluh (60) hari dari permulaan tempoh insurans.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada pihak Kami tentang sebarang perubahan dalam alamat dan butiran peribadi Anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada Anda tepat pada masanya. Anda boleh memberitahu kepada ejen sah Allianz, cawangan atau khidmat pelanggan Kami.

9. Bagaimanakah cara untuk saya membuat tuntutan?

Anda boleh melawati allianz.com.my untuk mengetahui cara-cara untuk membuat tuntutan. Anda dinasihatkan untuk menghantar sebarang tuntutan (sekiranya ada) kepada Kami secepat mungkin.

10. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai produk ini, sila layari laman web Kami di allianz.com.my. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542
Emel: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia
 allianz.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan Kemalangan Diri yang boleh didapati:

(a) Kemalangan Diri Berkelompok

Nota Penting:

Anda dinasihatkan untuk memberi perhatian mengenai skala manfaat untuk kematian dan hilang upaya dalam Polisi insurans Anda. Anda perlu membaca dan memahami Polisi insurans ini dan berbincang dengan ejen atau hubungi syarikat insurans untuk maklumat lanjut.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/03/2024.

Allianz4All

Allianz4All adalah transformasi perniagaan Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (Allianz General) untuk menerapkan Nilai Sejagat. Produk insurans di bawah program ini akan berasaskan nilai sejagat, untuk memenuhi keperluan semua rakyat Malaysia. Penambahbaikan utama untuk diselaraskan dengan nilai sejagat adalah seperti berikut:

- Sebahagian daripada premium yang diterima akan diperuntukkan secara khusus kepada Dana Peruntukan Tuntutan ("Claims Allocation Fund" atau "CAF"). Ini dianggap sebagai sebuah pengumpulan dana untuk memenuhi komitmen tuntutan seperti yang dipersetujui bersama dalam kontrak polisi. Baki premium akan disalurkan kepada Allianz General sebagai yuran pengurusan dan untuk membayar perbelanjaan perniagaan yang berkaitan.
- Premium akan dilaburkan ke dalam portfolio yang diuruskan secara lestari dan bertanggungjawab berdasarkan prinsip Kewangan Islam kerana prinsip ini merangkumi Nilai Sejagat dalam pasaran kewangan. Ini termasuk menyimpan premium yang diterima dalam akaun-akaun bank Islam.
- Jika tuntutan untuk tempoh tertentu adalah kurang daripada jumlah yang diperuntukkan ke dalam CAF, sebahagian daripada lebihan yang terhasil akan diagihkan oleh Allianz General mengikut budi bicara mutlaknyanya sama ada sebagai bayaran balik kepada pemegang polisi atau organisasi amal berdasarkan kategori amal yang dipilih oleh pemegang polisi pada masa permohonan. Pendekatan untuk pengagihan lebihan yang terhasil adalah berbeza mengikut produk dan jumlah lebihan (jika ada).

Allianz General akan mentadbir produk insurans yang dinyatakan dalam dokumen ini dan menjalankan sebarang transaksi kewangan, termasuk pelaburan dalam instrumen kewangan Islam, dan memperuntukkan jumlah premium yang sesuai kepada CAF.

Komitmen tuntutan Kami kepada pemegang polisi di bawah struktur baharu ini kekal tidak berubah daripada struktur sedia ada. Ia juga tidak akan ada kesan ke atas premium yang pelanggan bayar untuk sesuatu produk.

Premium Diterima

Premium berbayar merujuk kepada premium yang diterima oleh Allianz General di mana sebahagian daripada premium diperuntukkan kepada CAF, yang dianggap sebagai pengumpulan dana untuk memenuhi komitmen tuntutan seperti yang dipersetujui bersama dalam kontrak polisi. Baki premium akan disalurkan kepada Allianz General sebagai yuran pengurusan dan untuk membayar perbelanjaan perniagaan yang berkaitan.

Peruntukan Premium

Allianz General akan menentukan bahagian premium yang akan diperuntukkan kepada CAF berdasarkan analisa dalaman. Peratusan premium yang diperuntukkan untuk tuntutan untuk produk ini ialah 40%. Sekiranya dana tidak mencukupi untuk menampung tuntutan, Syarikat akan menambah CAF.

Lebihan daripada Dana Peruntukan Tuntutan (CAF)

Lebihan CAF merujuk kepada sebarang lebihan dana yang terdapat dalam CAF selepas ditolak tuntutan yang berbayar dan tertunggak, serta rizab berkanun dalam tempoh tertentu. Pendekatan untuk pengagihan lebihan yang terhasil adalah berbeza mengikut produk. Untuk Kemalangan Diri Berkelompok Allianz4All, Allianz General akan mengagihkan semua lebihan yang terhasil kepada organisasi amal mengikut budi bicara mutlaknyanya berdasarkan pemilihan pemegang polisi untuk salah satu daripada kategori amal berikut pada masa permohonan:

- Pendidikan: Mempertingkatkan akses kepada pendidikan
- Orang Kelainan Upaya: Meningkatkan kemasukan sosial dan peluang sosioekonomi
- Bantuan: Bantuan *ad-hoc* untuk kesihatan awam, bencana alam atau kecemasan
- Tiada keutamaan (ini akan menjadi pilihan automatik jika tiada satu pun di atas dipilih, dan syarikat akan mengagihkan lebihan mengikut kesesuaian)

Allianz General akan menentukan lebihan setiap tahun. Jumlah yang diagihkan kepada setiap kategori amal akan bergantung pada bahagian pemegang polisi yang memilih setiap kategori. Jumlah lebihan bagi setiap tahun (jika ada) akan didedahkan di laman web Kami, bersama-sama dengan senarai organisasi/program kebajikan yang mendapat manfaat daripadanya.